

# **PEMERGIAN MENUNAIKAN HAJI DALAM *HIKAYAT HANG TUAH* DAN *TUHFAT AL-NAFIS***

---

Aiza binti Haji Maslan @ Baharudin

## **Pengenalan**

Ibadah haji merupakan tanggungjawab keagamaan yang telah sebatи di dalam diri orang Melayu sejak Tanah Melayu mula menerima pengaruh Islam. Walau bagaimanapun, pengalaman personal orang Melayu mengenai haji kurang diberi perhatian oleh para pengkaji Muslim dan Barat. Sehingga kini, tidak dapat dipastikan dengan jelas bilakah tarikh sebenar orang Melayu mula melaksanakan amalan haji ke Tanah Suci. Namun, catatan pengalaman individu menunaikan ibadah tersebut dapat dilihat di dalam hasil penulisan kesusastraan Melayu seawal abad ke-15 dan ke-16. Tulisan ini akan cuba menilai bagaimana haji dipersembahkan di dalam dua buah teks Melayu lama iaitu *Hikayat Hang Tuah* dan *Tuhfat al-Nafis*.

## ***Hikayat Hang Tuah***

*Hikayat Hang Tuah*<sup>1</sup> merupakan sebuah naskhah sastera Melayu lama hasil kebudayaan Melayu-Indonesia.<sup>2</sup> Karya yang merujuk kepada peristiwa yang berlaku pada abad ke-15 dan 16 ini bertujuan merakamkan kegemilangan Kesultanan Melayu Melaka. Tema sebahagian besar teks adalah hubungan di antara Melaka dan

Majapahit. Selain itu, teks turut memaparkan misi pelayaran Hang Tuah ke negara luar seperti China, Siam, India, Mesir dan Rom.<sup>3</sup> Keunikan *Hikayat Hang Tuah* berbanding teks-teks lain yang dikaji terletak pada peranannya sebagai penyalur tradisi istana dan kebangsawanahan Melayu.<sup>4</sup>

Di dalam *Hikayat Hang Tuah* terdapat teks yang menyentuh mengenai ibadah haji. Catatan mengenainya dimulai dengan pelayaran rombongan Hang Tuah yang memakan masa lebih dua bulan yang terdiri daripada Maharaja Setia, Maharaja Dewa, 16 orang pegawai muda, 42 buah perahu dan 1,600 anak kapal. Kapal yang dinaiki Hang Tuah dinamakan *Mendam Berahi* yang diikat bersamanya kapal *Sairul'alamin* yang dinaiki oleh Maharaja Setia. Catatan berkenaan memberikan gambaran peta pelayaran haji yang dilalui oleh jemaah haji di zaman awal secara sepintas lalu.<sup>5</sup> Pelayaran rombongan Hang Tuah dari Melaka ke Aceh memakan masa lima hari lima malam. Kesempatan singgah di Banda, Aceh selama 12 hari digunakan oleh Hang Tuah dan rombongannya bagi membeli sirih pinang<sup>6</sup> dan mengambil bekalan air dan kayu untuk kegunaan sepanjang pelayaran yang memakan masa berbulan lamanya.<sup>7</sup>

Rombongan berkenaan bertemu dengan Pulau Dewa sebelum merentasi Laut Mokha yang terkenal dengan airnya yang sangat deras setelah 10 hari meninggalkan Aceh. Teks turut menyebut tentang Habsyah dan Mokha yang terletak di bahagian kiri dan kanan Selat Mokha. Mereka tiba di Jeddah yang merupakan pengkalan bagi jemaah haji yang ingin ke Tanah Suci setelah dua bulan pelayaran. Catatan tersebut turut menggambarkan keadaan Laut Jeddah yang terlalu banyak karang.<sup>8</sup> Kesesakan juga dapat dilihat di pelabuhan Jeddah kerana terlalu banyak kapal berlabuh.<sup>9</sup>

Pengarang turut memaparkan bentuk perjalanan yang digunakan oleh jemaah haji di zaman awal sebelum kenderaan bermotor diperkenalkan di Tanah Suci. Unta merupakan satu-satunya medium pengangkutan di Tanah Suci. Hang Tuah telah meminta bantuan khadam Malek R.s.t.<sup>10</sup> untuk menyewa unta bagi perjalanan rombongannya dari Jeddah ke Makkah di mana perjalanannya dilakukan pada sebelah malam.<sup>11</sup> Perjalanan dari Jeddah ke Makkah pula memakan masa dua malam perjalanan, manakala dari Makkah ke Madinah 12 hari 12 malam. Setelah selesai menunaikan ibadah haji, mereka bertolak dari Madinah terus ke Jeddah yang memakan masa 11 hari.<sup>12</sup>

Musim haji yang dicatatkan di dalam teks adalah tahun 886 Hijrah.<sup>13</sup> Catatan tersebut menunjukkan bahawa Makkah ketika itu ditadbir oleh Syarif Ahmad Zainul Abidin dan Madinah oleh Syarif Bahar Lauddin Zainul Abidin. Kedua-duanya berada di bawah

pemerintahan Sultan Rom.<sup>14</sup> Pengarang turut menggambarkan kemeriahannya di Makkah dan Madinah menjelang musim haji dengan ketibaan rombongan haji dari Mesir dan Syria diketuai oleh Amir Haji masing-masing. Rombongan berkenaan dikatakan membawa emas, perak, takhta kebesaran dan pelbagai barang dagangan yang terdiri daripada kain tenunan yang halus dan berkualiti tinggi di belakang berpuluhan-puluhan ekor unta.<sup>15</sup> Gambaran yang diberikan mengingatkan kita kepada usungan atau *Mahmal* yang merupakan lambang rasmi rombongan jemaah haji terutamanya dari Mesir dan Syria pada abad ke-15 dan 16.<sup>16</sup>

Memandangkan catatan megenainya hanya enam hingga tujuh muka surat berbanding lawatan ke Rom yang berjumlah lebih dua puluh muka surat, peristiwa pelaksanaan ibadah haji oleh Hang Tuah boleh disifatkan sebagai terlalu ringkas.

Setelah sudah maka datanglah pada sembilannya hari bulan Zulhijah. Maka berhimpunlah berjalan sekalian orang Makkah itu pergi dengan Syarif Ahmad itu masing-masing dengan takhta kebesarannya, beberapa ratus tunggul panji-panji daripada sakhlat, dewangga, baldu dan kimkha berkibaran seperti kota cemara, pergi haji ke Bukit Arafah. Maka Laksamana dan Maharaja Setia pun pergila bersama-sama dengan orang Makkah sekalian itu mengerjakan seperti rukun haji itu. Setelah sudah habislah dikerjakannya, lalu turun ke Mina pula melontar batu yang bernama Jamratul Akabah dan Jamratul Wusta dan Jamratul Ula itu. Setelah sudah, lalu mengorban. Maka Laksamana dan Maharaja Setia pun bercukur. Maka habislah rata seperti syarat perintah haji dan ziarah dan haji umrah semuanya dikerjakannya. Maka Laksamana dan Maharaja Setia pun kembalilah ke Makkah dengan sekalian orang banyak itu lalu ziarah pula pada Makam Ibrahim. Maka sampailah pada sepuluh hari bulan; tirai Kaabatullah pun disalin oranglah. Maka Laksamana pun membelilah tirai itu barang sedapatnya. Setelah keesokan harinya maka Laksamana pun masuklah ke dalam Kaabatullah sembahyang lalu mencium batu yang bernama Hajarul Aswad. Setelah sudah lalu keluar bersama-sama dengan orang banyak lalu tawaf pula ia akan rukun. Telah selesailah habis dikerjakannya maka Laksamana dan Maharaja Setia pun mengambil air pada telaga zamzam itu lalu berjalan ke Madinah bersama-sama dengan kafilah yang banyak itu.<sup>17</sup>

Penceritaan berbentuk naratif ini mengingatkan kita kepada catatan yang pernah dibuat oleh Ibn Battutta.<sup>18</sup> Namun, perbezaan yang ketara di antara kedua-duanya ialah Hang Tuah tidak mempunyai sebarang niat awal untuk mengerjakan ibadah haji. Tujuan pelayaran Hang Tuah pada asalnya adalah Rom kerana diperintahkan oleh Sultan Melaka mengetuai delegasi diplomatik menghadap Sultan Mardha Syah Alauddin<sup>19</sup> bagi merapatkan lagi hubungan dua hala di antara kedua-dua buah kerajaan dan membeli senjata. Niat untuk mengerjakan haji hanya tercetus setelah disarankan oleh Syahbandar Jeddah yang tidak dinyatakan namanya di dalam teks, setibanya rombongan Hang Tuah di pelabuhan Jeddah. Saranan tersebut menunjukkan bahawa musim haji sememangnya dinantikan oleh umat Islam di seluruh pelusuk dunia tanpa mengira jarak perjalanan. Peluang yang tiba setahun sekali itu sekiranya dilepaskan begitu sahaja merupakan satu kerugian yang amat besar kerana bukan semua orang berpeluang mengerjakannya.<sup>20</sup>

Walaupun pengarang *Hikayat Hang Tuah* dikatakan tidak mementingkan tatatertib sejarah,<sup>21</sup> penulisannya mengenai ibadah haji iaitu peta pelayaran kapal, jumlah perjalanan, keadaan Laut Jeddah dan amalan haji yang dicatatkan didapati tidak bersalahan dengan fakta dan maklumat yang diketahui umum.<sup>22</sup> Perkara yang bersalahan dengan fakta sejarah hanyalah nama Sultan Rom yang memerintah pada waktu itu. Adalah sukar untuk memastikan adakah Hang Tuah benar-benar mengerjakan ibadah haji ke Tanah Suci kerana terdapat dakwaan yang mengatakan bahawa rombongan Hang Tuah tidak pernah tiba di Rom.<sup>23</sup> Menurut Teuku Iskandar kisah mengenai perutusan ke Rom di dalam *Hikayat Hang Tuah* berkemungkinan diambil daripada *Kitab Bustanus Salatin* kerana pengisahan seumpamanya tidak pernah ditemui di dalam mana-mana penulisan kesusasteraan yang lain.<sup>24</sup> Sepanjang catatan sejarah, hubungan diplomatik terawal di antara Daulah Uthmaniyah dan Aceh bermula di zaman pemerintahan Sultan Alauddin Ria'yat Shah al-Kahar (1539-1571M) apabila sebuah delegasi dihantar ke Rom sebagaimana yang tercatat di dalam *Bustanus Salatin*.<sup>25</sup>

Pengarang *Hikayat Hang Tuah* mungkin mendapat inspirasi daripada peristiwa tersebut untuk menghantar wiranya ke Rom dengan bentuk pengisahan yang berbeza daripada karya asal tersebut.<sup>26</sup>

Kemudian dari itu maka kerajaan Sultan 'Alau'd-Din Ri'ayat Shah ibn Sultan 'Ali Mughayat Shah, pada hari Ithnain, waktu dhuha, dua puloh hari bulan Dz'ul-Ke'dah. Ia-lah yang meng'adatkan segala isti'adat kerajaan Acheh Daru's-Salam

dan menyuroh utusan kepada Sultan Rum, ka-negeri Istambul, kerana menegohkan ugama Islam. Maka di-kirim Sultan Rum daripada jenis utus dan pandai yang tahu menuang bedil. Maka pada zaman itulah di-tuang orang meriam yang besar<sup>27</sup>. Dan ia-lah yang pertama2 berbuat kota di-negeri Acheh Daru's Salam, dan ia-lah yang pertama2 ghazi dengan segala kafir, hingga sendiri-nya berangkat menyerang Melaka.<sup>27</sup>

Persoalan haji yang dipaparkan di dalam *Hikayat Hang Tuah* memberikan penekanan terhadap unsur-unsur kemelayuan. Pelaksanaan ibadah haji oleh Hang Tuah disentuh seiringan dengan peristiwa kunjungan Hang Tuah ke Rom. Prof. A. Teeuw menyifatkan kisah perjalanan ke Rom dan Tanah Suci Makkah mempunyai peranan tersendiri. Jika diamati keseluruhan teks, peristiwa pengislaman Melaka dan agama Islam hampir tidak disentuh di dalam penulisan tersebut. Satu-satunya perkara yang menghubungkan Tanah Melayu dengan agama Islam adalah delegasi ke Rom dan Tanah Suci. Pengarang telah menggunakan pendekatan sastera Jawa dengan memasukkan elemen agama Islam ke dalam keperibadian Melayu. Fokus utama bukan agama Islam sebaliknya keperibadian Melayu yang dilambangkan oleh Hang Tuah.<sup>28</sup>

Dua bahagian destinasi perjalanan tersebut menjelaskan peranan berbeza yang dimainkan oleh dua buah pusat terpenting bagi dunia Islam dalam konteks hubungan Kerajaan Melayu Melaka dengan dunia luar.<sup>29</sup> Tanah Suci Makkah secara simboliknya berperanan sebagai pusat ibadah. Fungsinya sebagai pusat kegiatan berbentuk spiritual menimbulkan sedikit percanggahan dengan konsep kerajaan yang mendukungi sistem pemerintahan Kesultanan Melayu ketika itu. Ajaran Islam yang meletakkan persamaan darjah manusia di sisi Allah secara tidak langsung menafikan kedudukan seorang pemerintah yang sebelum ini dilihat sebagai bayangan Allah di muka bumi.<sup>30</sup>

Pengisahan mengenai haji nyata berbeza daripada keseluruhan teks sebelum ini yang lebih tertumpu kepada ritual istana dan budaya kebangsawan Melayu dengan membawa orang Melayu ke sebuah dunia asing yang bebas dari kongkongan sistem kerajaan dan pengaruh Raja-raja Melayu. Catatan *Hikayat Hang Tuah* ini menggambarkan suatu bentuk pengiktirafan terhadap sebuah kawasan yang berlawanan konsep dengan sistem kerajaan yang dipegang oleh orang Melayu. Perkara ini juga menunjukkan kesedaran orang Melayu waktu itu mengenai kepentingan Makkah dalam Islam. Keistimewaan Tanah Suci ini juga dilihat daripada kata-kata Hang Tuah yang menggambarkan keunikan kawasan tersebut berbanding kawasan lain.<sup>31</sup>

Lawatan ke Rom pula mengingatkan kita akan peranan penting yang dimainkan oleh Daulah Uthmaniyah dalam konteks konflik di antara Islam dan Kristian. Sebarang bentuk serangan dan penentangan terhadap orang Kristian Eropah dilancarkan dari Istanbul yang dijadikan ibu pejabat kuasa politik dunia Islam pada tahun 1517 oleh Sultan Salim. Hubungan erat kerajaan-kerajaan Melayu dengan Kerajaan Rom dikekalkan bagi memudahkan Raja-raja Melayu mendapat pengiktirafan bagi kerajaan mereka selain bantuan bekalan senjata yang hebat dan terkini.<sup>32</sup> Kerajaan Rom sentiasa menjadi kebanggaan orang Melayu sehingga di dalam teks-teks Melayu, Sultan Rom diiktiraf sebagai salah seorang pemerintah agung di samping Maharaja China dan Maharaja sebuah daerah di Minangkabau.<sup>33</sup> Tradisi menakluki kawasan orang kafir untuk dinaungi oleh pemerintahan dan undang-undang Islam diteruskan oleh Daulah tersebut. Ekspedisi Daulah Uthmaniyah yang paling jauh ialah ekspedisi membantu Kesultanan Islam Aceh menghadapi ancaman Portugis.<sup>34</sup>

Pencarian Hang Tuah terhadap kuasa spiritual merupakan satu lagi unsur kemelayuan yang terdapat di dalam teks. Berdasarkan pengakuan yang dibuat oleh Hang Tuah sebanyak tiga kali, perkara yang dilihat lebih utama untuk berhenti di Tanah Suci adalah menziarahi makam Siti Hawa bagi tujuan mencari ‘berkat’.<sup>35</sup> Turut dilawati Hang Tuah kubur sheikh, wali dan nabi. Hang Tuah juga turut menghabiskan masa selama dua belas hari siang dan malam bersama Shaikh Jamaluddin, penjaga kubur Rasulullah S.A.W. yang dikatakan turut memberi berkat kepada Hang Tuah. Pengalaman haji Hang Tuah turut diletakkan dalam perspektif Melayu tradisional dengan mengenangkan elemen kewalian. Insiden bertemu Nabi Khidir yang merupakan tokoh penting dalam kebudayaan istana Melayu disentuh beberapa kali di dalam teks.<sup>36</sup> Pengarang menyelitkan motif Nabi Khidir bertujuan menunjukkan bahawa walaupun berada jauh dari istana Melaka, Hang Tuah tetap dijaga dan diawasi oleh wali pelindung dinasti Diraja Melayu.<sup>37</sup>

Pengarang *Hikayat Hang Tuah* telah memilih wira Kesultanan Melayu Melaka yang termasyhur, Hang Tuah bertujuan menarik perhatian para pembaca untuk merenung kembali kegemilangan Empayar Melaka suatu ketika dahulu. Walau bagaimanapun, beliau mencipta wiranya sendiri yang ideal dan global sifatnya dengan segala kualiti keperwiraan orang lain yang disepadukan di dalam diri Hang Tuah. Utusan yang diterajui oleh Tun Perpatih Puteh menjadi delegasi Hang Tuah, perjalanan Hang Nadim ke Kalinga menjadi lawatan Hang Tuah, penculikan Tun Teja oleh Hang Nadim dikatakan jasa Hang Tuah dan utusan Aceh ke Rom menjadi delegasi Hang Tuah.<sup>38</sup>

Berbeza dengan catatan Ibn Battutta yang diselubungi penyertaan beliau secara emosi, *Hikayat Hang Tuah* tidak memaparkan sebarang catatan mengenai kepentingan haji kepada Hang Tuah secara individu. Tiada sebarang kenyataan mengenai kegembiraan meraikan peluang peluputan dosa silam hasil pelaksanaan ibadah tersebut. Teks juga tidak memberikan sebarang bentuk penekanan terhadap keperluan memanjatkan rasa kesyukuran kepada Allah S.A.W. yang mengurniakan rahmat dan keizinan ke atas hambanya untuk menyempurnakan rukun Islam kelima.<sup>39</sup> Haji sebaliknya dilihat sebagai satu peristiwa yang tidak penting dan sama sekali tidak dibincangkan di istana Melaka sebelum dan selepas berlakunya peristiwa tersebut. Perkara tersebut sangat ketara apabila pelaksanaan haji oleh Hang Tuah langsung tidak disentuh oleh Sultan Melaka sewaktu menyambut kepulangan delegasi tersebut.<sup>40</sup>

### *Tuhfat Al-Nafis*

*Tuhfat al-Nafis*<sup>41</sup> adalah hasil karya bersepodu dua orang individu dari Riau berketurunan Bugis. Dimulakan oleh Raja Ahmad, karya ini akhirnya disudahi dan dikemaskini oleh anakanda beliau Raja Ali Haji pada lewat 1860-an. Karangan ini mencatatkan kemasukan awal pengaruh Bugis ke Alam Melayu dan campurtangan mereka dalam sistem politik dan pemerintahan kerajaan Melayu. Menurut R.O. Winstedt, karya tersebut merupakan karangan berbentuk sejarah yang terpenting selepas *Sejarah Melayu*.<sup>42</sup>

Pengarang *Tuhfat* turut menyentuh mengenai persoalan haji di dalam karya tersebut. Menurut *Tuhfat*, ibadah haji yang dilakukan oleh Raja Ahmad dan Raja Ali Haji merupakan ibadah haji yang julung kali dilakukan oleh golongan bangsawan Melayu Riau.<sup>43</sup> Walau bagaimanapun, berdasarkan penelitian di dalam teks, terdapat beberapa nama yang diberikan gelaran haji sebelum berlakunya pelayaran Raja Ahmad ke Tanah Suci seperti Haji Abd. Al-Jamil dan Haji Daud. Perkara tersebut mencadangkan bahawa berkemungkinan telah ada orang kebanyakan dari Riau yang telah menegerjakan ibadah haji lebih awal.<sup>44</sup>

Berbeza dengan *Hikayat Hang Tuah*, pekerjaan haji di dalam *Tuhfat* merupakan suatu perkara yang dirancang terlebih dahulu dan misi utama pelayaran. Raja Ahmad ingin menunaikan ibadah haji di atas dua sebab iaitu menunaikan nazar yang dibuat semasa beliau sakit tenat dan sekaligus menyempurnakan rukun Islam kelima. Semasa menjalankan tugas di Betawi, Raja Ahmad sakit tenat dan memakan masa yang agak lama untuk pulih. Sehubungan itu, beliau

telah bernazar ingin menunaikan fardhu haji seandainya ditakdirkan sembah dari penyakit tersebut.<sup>45</sup> Setelah sembah dari penyakit yang dideritainya, Raja Ahmad segera membuat persediaan dan memohon izin daripada kekandanya Yang Dipertuan Muda Riau, Raja Jaafar dan Engku Puteri untuk pergi menunaikan fardhu haji ke Makkah.<sup>46</sup>

Teks turut menggambarkan bahawa pekerjaan menunaikan ibadah haji bukanlah suatu perkara yang mudah dilaksanakan. Pekerjaan ini memerlukan perancangan awal yang teliti kerana memerlukan perbelanjaan yang tinggi. Dalam usaha beliau mengumpulkan wang bagi membiayai perbelanjaan menunaikan ibadah haji, beliau bersama beberapa orang pengikut telah mengusahakan satu pelayaran perdagangan ke Tanah Jawa sebagaimana yang diusulkan oleh kekanda beliau Engku Puteri.<sup>47</sup> Rombongan tersebut juga terpaksa mengharungi pelbagai dugaan dan cabaran seperti Raja Ali Haji diserang penyakit hawar yang serius sehingga menyebabkan muntah dan cirit-birit.<sup>48</sup> Mereka juga pernah terlepas kapal untuk ke Tanah Suci sehingga terpaksa ditangguhkan hasrat tersebut buat seketika.<sup>49</sup>

Berbekalkan wang hasil perdagangan di Tanah Jawa sebanyak 14,000 ringgit dan wang yang dipinjamkan oleh Engku Puteri berjumlah 10,000 ringgit kesemuanya, Raja Ahmad beserta rombongan 13 orang bakal haji dari Riau bertolak ke Singapura.<sup>50</sup> Rombongan tersebut sampai di Pulau Pinang dengan menumpang sebuah kapal milik Sayid Hashim yang dinakhodai oleh Hasan Badwi. Catatan tersebut juga menggambarkan pengalaman pelayaran orang Melayu di zaman awal yang terpaksa bertukar-tukar kapal untuk ke Tanah Suci. Namun, berbeza dengan *Hikayat Hang Tuah* dan *Kisah Pelayaran ka-Judah* oleh Abdullah Munshi, catatan tersebut tidak memaparkan peta pelayaran haji yang dilalui rombongan Raja Ahmad setelah meninggalkan Pulau Pinang.<sup>51</sup> Dalam pelayaran pulang ke Pulau Pinang, Raja Ahmad telah menyewa sebuah bilik di atas kapal Turki yang dinakhodai oleh Sayid Muhammad Ali. Di Pulau Pinang, sekali lagi mereka terpaksa bertukar kapal untuk ke Singapura dan dari Singapura ke Riau.<sup>52</sup>

Semasa berada di Pulau Pinang, sementara menunggu kapal untuk belayar ke Jeddah, Raja Ahmad diberikan sebuah rumah oleh Sayid Hashim. Beliau turut membantu Raja Ahmad menjual beberapa barang berharga bagi mendapatkan wang perbelanjaan menunaikan haji. Berkemungkinan besar Sayid Hashim merupakan salah seorang sheikh haji di Pulau Pinang dan catatan tersebut secara tidak langsung memaparkan peranan yang dimainkan oleh sheikh haji di Tanah Melayu ketika itu.<sup>53</sup> Raja Ahmad turut diberikan penghormatan oleh Sultan Kedah yang hidup dalam buangan ketika itu, dengan dipersilakan ke istana baginda. Raja Ahmad bukan sahaja dibekalkan

dengan seratus gantang beras dan seekor kerbau, tetapi juga dianugerahi jam antik yang tinggi nilainya.<sup>54</sup>

Rombongan tersebut akhirnya belayar menuju ke Jeddah dengan menyewa sebuah kapal Turki, *Feluka* dinakhodai oleh Kapten Husain. Bakal haji dari Riau ini selamat tiba di Jeddah pada 18 Syaaban 1243 bersamaan 3hb. Mac 1828.<sup>55</sup> Ketibaan rombongan Raja Ahmad disambut mesra oleh sheikh-sheikh haji yang berhasrat memberikan perkhidmatan mereka. Raja Ahmad akhirnya memilih Syeikh Ahmad Musyafi, keturunan Bugis sebagai sheikh haji beliau serta ahli rombongan yang lain berdasarkan pengalaman luas Sheikh Ahmad yang telah lama berkecimpung dalam bidang tersebut. Sudah menjadi tradisi sejak zaman-berzaman, sheikh haji yang menjadi pilihan jemaah haji adalah yang sama keturunan dan bangsa bagi memudahkan lagi komunikasi dua hala antara kedua belah pihak.<sup>56</sup>

*Tuhfat* turut menggambarkan keadaan perjalanan Raja Ahmad serta rombongan dari Makkah ke Madinah mengikuti beberapa kafilah yang terdiri daripada 2,000 ekor unta. Perjalanan yang dilalui mereka sentiasa terdedah kepada serangan dan rompakan orang Badwi.<sup>57</sup> Walaubagaimanapun, sepertimana *Hikayat Hang Tuah*, perkara-perkara berkaitan pelaksanaan rukun haji sekali lagi dipersembahkan dalam bentuk dan gaya yang teramat ringkas. *Tuhfat* sekadar menyebut secara sepintas lalu rukun haji yang dilakukan oleh Raja Ahmad tanpa membincangkannya secara lebih mendalam.

Maka itu waktu haji pun sampailah. Maka Raja Ahmad pun hajilah dan umrahlah dan wukuflah di Arafah bersama-sama segala haji yang datang daripada sekeliling dunia, daripada orang Islam. Dan tawaflah, dan sa'ilah, kemudian daripada melontar jumrah di Mina, maka masuklah ke dalam Makkah dan tahallullah serta memakai serban.<sup>58</sup>

Walaupun *Tuhfat* mengetengahkan haji sebagai misi utama pelayaran, terdapat sedikit kepincangan apabila teks meletakkan fokus utama perbincangan terhadap kemurahan hati Raja Ahmad sekaligus mengabaikan penumpuan terhadap ibadah haji itu sendiri.

Maka apabila sampai ke Makkah al-Musyarrafah, maka Raja Ahmad pun membeli pula rumah dua buah, yang sebuah diwakafkannya kepada Syeikh Ismail. Kemudian akhir-akhirnya berpindah kepada mufti Syafii, dan yang sebuah diwakilkannya kepada Syeikh Muhammad Salih: Kemudian dari pada itu maka Raja Ahmad pun membeli pula satu/rumah/hausy tempat tanah membuat rumah wakaf di Mina.

Maka diwakilkannya kepada Haji Ahmad Musyafi,  
diperbuatnyalah rumah wakaf di situ.<sup>59</sup>

Penumpuan teks lebih terjurus kepada maruah dan harga diri seorang putera raja yang ingin menyempurnakan rukun Islam kelima. Menurut V.Matheson dan A.C.Milner, haji di dalam *Tuhfat* digambarkan '*in the nature of a Malay royal progress*'.<sup>60</sup> Penghormatan terhadap Raja Ahmad jelas dipaparkan di dalam teks dengan diraikan bukan sahaja di Singapura dan Pulau Pinang, tetapi juga di Tanah Suci Makkah. Beliau dikunjungi oleh sheikh dan wakil sheikh dan dihantar beramai-ramai ke Jeddah sewaktu ingin belayar pulang ke tanahair. Penghormatan turut diterima daripada puak yang bertelagah ketika itu, Sharif Yahya yang menjamin keselamatan beliau dan rombongan menuju ke Madinah. Walau bagaimanapun, keringkasan penerangan mengenai ibadah haji dan penumpuan berlebihan terhadap Raja Ahmad secara tidak langsung menghambarkan peranan yang sepatutnya diketengahkan oleh ibadah haji di dalam teks tersebut. Seperti *Hikayat Hang Tuah* teks gagal memaparkan kesan ibadah haji terhadap individu yang mengerjakannya. Kepuasan dalaman hasil pelaksanaan ibadah haji yang sepatutnya dirasai dan dikongsi bersama pengalaman tersebut tidak disentuh langsung.<sup>61</sup>

Berbeza dengan *Hikayat Hang Tuah* yang tidak menggambarkan kepentingan haji di persekitaran istana dan tidak ditanya mengenai pengalaman mengerjakan rukun Islam kelima tersebut sekembalinya beliau ke Melaka, pemergian Raja Ahmad untuk tujuan yang sama mendapat restu dan kerjasama yang menggalakkan daripada golongan istana. Selain diberi modal dan kapal untuk merealisasikan cita-cita tersebut, rombongan berkenaan juga diiringi beberapa orang pembesar sehingga ke Singapura.<sup>62</sup> Kepulangan mereka juga diraikan, dipandang tinggi dan dimuliakan oleh segenap lapisan masyarakat Riau ketika itu. Pengiktirafan tersebut terbukti apabila anakanda Raja Ahmad, Raja Ali Haji yang mengiringi beliau ke Tanah Suci diberi penghormatan sebagai orang yang bertanggungjawab terhadap urusan spiritual dan keagamaan dan dikahwinkan dengan anak perempuan Yang Dipertuan Muda. Raja Ali Haji juga dilantik sebagai penasihat dan pakar rujuk golongan istana walaupun dalam usia yang masih muda.<sup>63</sup>

Keadaan ini memaparkan kepada kita bahawa haji merupakan elemen yang sangat berprestij dan menarik minat masyarakat Melayu Riau ketika itu. Terletak jauh dari kota metropolitan, Singapura, ketaatan terhadap agama dan pegangan kepada adat budaya setempat masih tetap utuh dan tidak tergugat dengan kehadiran penjajah. Di

sinilah proses menimba ilmu berjalan, ilmuwan Islam dari Timur Tengah dijemput dan digajikan untuk mendidik masyarakat dan pegawai kerajaan.<sup>64</sup> Perlakuan yang bercanggah dengan ajaran agama Islam seperti berjudi, laga ayam, pemakaian emas dan sutera dan perlakuan sumbang antara lelaki dan wanita ditegah sama sekali.<sup>65</sup> Selain terkenal sebagai pemelihara warisan adat budaya Melayu, Riau unggul sebagai '*a place where the true religion flourished*'.<sup>66</sup>

*Tuhfat* dihasilkan di dalam suasana komuniti yang kuat pegangan agamanya, oleh seorang putera raja yang mempunyai minat yang amat mendalam terhadap prinsip-prinsip agama Islam. Dasar pemikiran yang membina *Tuhfat* agak berbeza daripada *Hikayat Hang Tuah*, iaitu dipengaruhi prinsip historiografi Islam dan kitab *Ihya' Ulum al-Din* karangan al-Ghazali.<sup>67</sup> Raja Ahmad dan Raja Ali Haji juga mempunyai hubungan langsung dengan dunia pengajian Islam selama setahun menimpa ilmu di Tanah Suci sewaktu menunaikan haji. Beliau percaya bahawa Islam dan prinsipnya adalah dorongan utama dalam kehidupan insan. Tema raja yang memerintah dengan cara yang membolehkan rakyatnya menyempurnakan tuntutan agama sangat menonjol dalam deskripsi Yang Dipertuan Muda Riau pada abad ke-19.<sup>68</sup> Faktor-faktor ini memperlihatkan sikap dan layanan terhadap persoalan haji lebih baik berbanding *Hikayat Hang Tuah*.

*Tuhfat* turut mengangkat martabat dan status individu yang mengerjakan ibadah haji. Perkara tersebut jelas apabila anggota rombongan Raja Ahmad diberikan gelaran haji sebaik sahaja selesai menunaikan ibadah berkenaan.<sup>69</sup> Kesedaran terhadap kewajipan mengerjakan ibadah haji semakin menonjol di dalam kehidupan beragama golongan bangsawan Melayu Riau kerana selepas itu teks mencatatkan peristiwa pengeraian haji oleh Raja Abdullah yang kemudiannya bergelar Raja Haji Abdullah.<sup>70</sup>

Tujuan pelayaran Raja Ahmad juga menunjukkan kepada kita bahawa persoalan nazar telah mula difahami dan mendapat tempat di hati masyarakat Melayu ketika itu. Perkara yang dinazarkan haruslah sesuatu yang baik dan mulia dan tidak boleh bertentangan dengan syariat. Telah wujud kesedaran waktu itu bahawa nazar yang diniatkan wajib dilaksanakan secepat mungkin sebaik sahaja hajat sesuatu perkara itu tertunai dan tidak boleh dilakukan secara sambil lewa.<sup>71</sup>

Fikiran tuan residen itu betul, akan tetapi yang sahaya tiada hajat hendak bermain-main lagi, kerana sahaya hendak / pergi / berdagang mencari-cari belanja hendak pergi haji , tiada boleh sahaya lengah lagi, dan sahaya harap / kan / kepada tuan

residen juga supaya boleh tolong sahaya ringankan / atas / ini perkara.<sup>72</sup>

Sebagaimana *Hikayat Hang Tuah*, *Tuhfat* turut mengetengahkan peristiwa menziarahi kubur Rasulullah S.A.W. dan para sahabat, namun tiada sebarang teks yang menyentuh tentang persoalan mencari ‘berkat’. Selain itu, tidak terdapat teks yang mengisahkan wujudnya sebarang pertemuan dengan Nabi Khidir yang terkenal dalam kesusasteraan Melayu tradisional sebagai elemen yang memiliki kuasa spiritual. Keadaan ini jelas kepada kita bahawa Raja Ali Haji sedaya upaya mengetepikan unsur mitos yang dirasakan tidak dapat diterima oleh zamannya akibat perubahan masa.<sup>73</sup>

Jika diteliti, tiada sebarang teks yang menyentuh tentang Kerajaan Rom sebagaimana yang terdapat di dalam *Hikayat Hang Tuah*. Kerajaan Rom merupakan sebuah kuasa besar dan digeruni oleh dunia Islam suatu ketika dahulu. V. Matheson dan A.C. Milner tidak mengemukakan sebarang perbincangan mengapa Kerajaan Rom dilepas pandang oleh pengarang *Tuhfat*. Berkemungkinan besar telah berlakunya kemerosotan kepada kerajaan tersebut sekaligus menafikan peranannya sebagai pusat politik dunia Islam di waktu itu.<sup>74</sup>

Pengarang juga menggunakan satu istilah yang telah wujud sejak sekian lama di Tanah Arab iaitu *Jawi* bagi merujuk kepada negeri-negeri di Alam Melayu ketika itu.<sup>75</sup> Menurut Hurgronje, istilah *Bilad el-Jawah* digunakan di Tanah Arab bagi merujuk kepada negara-negara yang diduduki oleh bangsa Melayu yang mungkin meliputi Siam dan Melaka hingga New Guinea. Bangsa Melayu pula digelar *Jawah* atau *Jawi*.<sup>76</sup> Melangsungkan perkahwinan semasa dalam perjalanan mengerjakan ibadah haji ke Tanah Suci juga merupakan perkara yang sering ditemui di kalangan jemaah haji Melayu di zaman awal kerana perjalanan mereka memakan masa yang sangat panjang. Perkara yang sama turut dilalui oleh Raja Ali Haji yang berkahwin dengan Encik Sulong dari Pulau Pinang.<sup>77</sup>

Tradisi jemaah haji sejak zaman-berzaman yang membawa pulang buah tangan dari Tanah Suci untuk diberikan kepada sanak-saudara dan jiran tetangga yang meraikan kepulangan mereka turut dipaparkan di dalam teks. Salah satu perkara yang sering menjadi amalan jemaah haji ialah membawa pulang hamba yang dibeli di Tanah Suci. Raja Ahmad mempersembahkan dua orang hamba kulit hitam, seorang berbangsa Nubi dan seorang berbangsa Habsyi kepada Yang Dipertuan Muda Raja Jaafar.<sup>78</sup> Buah tangan dari Tanah Suci sangat dinantikan oleh orang Melayu yang berharap mendapat keberkatan daripadanya.<sup>79</sup>

Walaupun kecenderungan terhadap keturunannya amat jelas di dalam *Tuhfat*, Raja Ali Haji tetap memberikan sumbangan berharga kepada dunia penulisan Melayu dengan membawa beberapa pembaharuan terhadap tradisi kesusasteraan tradisional seperti mendapatkan maklumat dari buku catatan harian, memasukkan tarikh dan tahun berlakunya sesuatu peristiwa dan mengutamakan perkara fakta berbanding mitos.<sup>80</sup> Berdasarkan beberapa ciri utama historiografi Bugis tersebut memberikan keyakinan bahawa pengisahan mengenai haji adalah pengalaman sebenar yang dilalui oleh salah seorang jemaah haji dan bukan diceduk daripada mana-mana sumber lain. Pengalaman yang diketengahkan juga adalah sesuatu yang munasabah yang dilalui oleh manusia biasa dan tiada sebarang unsur fantasi yang luar biasa di luar penerimaan logik akal.

### Kesimpulan

Kedua-dua buah catatan ini memaparkan kepada kita pandangan dan sikap orang Melayu terhadap ibadah haji, sekaligus meneroka nilai-nilai budaya dan sosial masyarakat Melayu. Perbandingan di antara *Hikayat Hang Tuah* dan *Tuhfat al-Nafis* menggambarkan bahawa ibadah haji tidak lagi di bawah kongkongan dan belenggu sistem ‘kerajaan’ yang menjadi kebanggaan orang Melayu di zaman awal. Sikap dan layanan *Tuhfat* terhadap persoalan haji adalah lebih baik berbanding *Hikayat Hang Tuah*. Haji merupakan elemen yang sangat berprestij dan menjadi kebanggaan masyarakat Melayu Riau. Kepulangan Raja Ahmad dari menunaikan fardhu haji dirai dan dimuliakan oleh masyarakatnya. Sebaliknya di dalam *Hikayat Hang Tuah* haji digambarkan sebagai satu peristiwa yang tidak penting. Persoalan haji di dalam *Hikayat Hang Tuah* memberikan lebih penumpuan terhadap unsur-unsur kemelayuan. Kedua-dua buah teks gagal memaparkan perasaan personal dan kesan ibadah haji terhadap individu yang mengerjakannya. Namun, kesedaran orang Melayu waktu itu mengenai kepentingan Makkah dalam ajaran agama Islam jelas dapat dilihat.

### Note

- <sup>1</sup> Kassim Ahmad, (ed.), *Hikayat Hang Tuah*, Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan dan Dewan Bahasa dan Pustaka, 1997.
- <sup>2</sup> Ada juga pendapat yang menggolongkannya sebagai hasil kesusasteraan Melaka-Johor. Lihat A. Teeuw, "Tentang Penghargaan dan Pentafsiran Hikayat Hang Tuah", *Dewan Bahasa*, Ogos 1964, hlm. 339 dan V. Matheson & A.C. Milner, *Perceptions of the Haj Five Malay Texts*, Singapore: Institute of Southeast Asian Studies, 1984, hlm.4. Menurut Kassim Ahmad, *Hikayat Hang Tuah* kurang menarik perhatian para pengkaji sebagaimana *Sejarah Melayu*. Walaupun terdapat beberapa orang sarjana Eropah yang menerbitkan teks berkenaan, usaha tersebut tidak dapat menandingi usaha yang dilakukan ke atas *Sejarah Melayu*. Penerbitan teks *Hikayat Hang Tuah* secara lengkap dilakukan oleh W.G. Shellabear sebanyak empat jilid Jawi dan Rumi, diterbitkan oleh Malaya Publishing House. G.K. Niemann pula menerbitkan sebahagian teks tersebut di dalam *Bloemlezing uit Maleische Geschriften*, 1906. Bagi *Sejarah Melayu*, sebanyak enam edisi telah diterbitkan dan telah diterjemahkan ke dalam Bahasa Inggeris, Jerman, Belanda, Jepun, Perancis, Polish (sebahagian), Tamil dan China. Perkara tersebut berkemungkinan disebabkan *Hikayat Hang Tuah* bukan bercorak sejarah. Judulnya jelas menunjukkan bahawa penulisan berkenaan adalah sebuah cerita yang menjadi model kepada penulisan novel atau roman Melayu moden. Lihat Kassim Ahmad, *Hikayat Hang Tuah*, hlm. xi-xii dan xxv nota 1 dan 3.
- <sup>3</sup> Teks tersebut dibahagikan kepada dua bahagian. Watak Hang Tuah dibahagian pertama digambarkan sebagai seorang yang garang, gagah dan berani. Watak tersebut barangkali menggambarkan kebangkitan dan keagungan Kerajaan Melayu Melaka. Watak Hang Tuah yang muncul di bahagian kedua ternyata agak berbeza dengan bahagian pertama di mana beliau digambarkan sebagai seorang pengembara, diplomat dan ahli sufi yang dilengkapi kebijaksanaan, kesabaran dan kewarakar. Watak tersebut barangkali merupakan suatu keperluan bagi membelakangi kenyataan iaitu kejatuhan Kerajaan Melayu Melaka. Lihat ibid., hlm. xiv-xv.
- <sup>4</sup> Kesusasteraan Melayu Lama biasanya berwatakkan Raja-raja dan berpusat di istana kerana di sivil terdapatnya penulis dan pembaca. Kebiasaannya nama pengarang tidak dinyatakan tetapi cara penulisan mereka jelas menggambarkan bahawa mereka adalah hamba Raja dan persembahan mereka dibuat khas untuk Raja-raja Melayu. Suatu sumber yang dipetik oleh Kassim Ahmad menjelaskan bahawa dalam Islam cerita-cerita yang peranannya semata-mata untuk menghiburkan dipandang rendah. Hasil karya hanya dipandang tinggi sekiranya dapat memberi pengajaran kepada pembaca. Segala kegiatan yang berlaku di sekitar istana dicatatkan dalam bentuk penulisan kesusasteraan seperti

yang digambarkan oleh *Hikayat Hang Tuah*. Pengarang berusaha memberikan gambaran yang gilang-gemilang mengenai Kesultanan Melayu Melaka. Segala perkara yang menampakkan kepincangan Raja cuba diselindung agar kekeruhan tersebut tidak jelas di mata pembaca. Lihat Mohd. Taib Osman, *Tuhfat Al-Nafis:Corak Historiografinya Persamaan dan Penyimpangan dari Tradisi Historiografi Melayu*, Artikel 1377, Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia, hlm.25 dan Kassim Ahmad, *Hikayat Hang Tuah*, hlm. xvi.

- <sup>5</sup> Kassim Ahmad, *Hikayat Hang Tuah*, hlm. 492-495.
- <sup>6</sup> Sudah menjadi tradisi orang Melayu di zaman awal membawa sirih pinang ke Tanah Suci sekurang-kurangnya 100 ikat seorang. Sirih berkenaan digelar ‘Sirih Tuam’ kerana sirih berkenaan didemah terlebih dahulu di dalam kuali dengan bunjut kain berisi pasir dan lada hitam. Sirih berkenaan kemudiannya disidai dan dijemur sehingga lembut sebelum disusun dan diikat. Lihat Muhammad Saleh b. Awang (Misbaha), *Haji di Semenanjung Malaysia Sejarah dan Perkembangannya Sejak Tahun 1300-1405H (1886-1985M)*, Kuala Trengganu: Syarikat Percetakan Yayasan Islam Trengganu Sdn. Bhd., 1986, hlm. 99.
- <sup>7</sup> Sebelum kemunculan kapal wap, kebanyakan jemaah haji Melayu akan menunggu kapal dari Arab, Parsi dan India di Aceh untuk meneruskan pelayaran ke Jeddah. Kapal-kapal tersebut juga, selain bertukar barang dagangan turut mengambil air sebagai bekalan. Hurgronje mencatatkan ‘Formerly the Malays must trust themselves to Arab sailing captains who overcrowded their ships at Acheh (Acheen), Singapore etc., and did not regard it as unmixed evil if during the voyage the mass of passengers was somewhat thinned out by epidemics etc.’ Lihat Christian Snouck Hurgronje, *Mekka In The Latter Part of The Nineteenth Century*, Leiden: E.J. Brill, 1970, hlm. 217-218.
- <sup>8</sup> Abdullah Munshi turut menggambarkan ketakutan yang dialami jemaah haji ketika kapal mula menyusuri kawasan perairan Jeddah. Kawasan perairan Jeddah sangat terkenal dengan bahaya karang yang tersorok dan arus aliran di bawah permukaan air yang tidak dapat dijangkakan. Seorang pengembara Perancis, Charles Didier pernah mencatatkan, ‘This sea is one of the most difficult known to mankind: cut and crossed in all directions by submarine currents, bristling with reefs and banks of coral, it lies wide open to violent squalls which the proximity of coast and mountain make very frequent and very sudden: thus shipwrecks are common occurrences, despite the excessive caution and timidity shown by mariners’. Raimy Che-Ross, “Munshi Abdullah’s Voyage”, hlm. 203 nota 29. Lihat juga Kassim Ahmad, “Kisah Pelayaran Abdullah ka-Judah”, dalam *Kisah Pelayaran Abdullah ka-Kelantan dan ka-Judah*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1960, hlm. 150 dan Ahmad Kamal, “The Sacred Journey Being Pilgrimage to Makkah”, dalam RoTH, Vol. 1, hlm. 137.

- <sup>9</sup> Jeddah merupakan salah sebuah pelabuhan perdagangan yang masyhur suatu ketika dahulu. Abdullah Munshi dalam catatan yang dibuatnya ketika berada di Jeddah untuk mengerjakan haji pada tahun 1854 menggambarkan keadaan Jeddah yang dipenuhi manusia pelbagai bangsa yang datang dari seluruh pelosok dunia bersama barang dagangan masing-masing. Lihat Kassim Ahmad, "Kisah Pelayaran Abdullah ka-Judah", hlm. 153-154.
- <sup>10</sup> Naskah *Hikayat Hang Tuah* tulisan tangan yang terdapat di Muzium Negeri Terengganu ditulis (R.s.t.l), manakala naskah ejaan jawi yang dicetak oleh Malay Publishing House Limited, Singapura, 1959 ditulis (A.s.t.u.r). Lihat Misbaha, *Haji di Semenanjung Malaysia* hlm. 119 nota 136.
- <sup>11</sup> Ibid., hlm. 497.
- <sup>12</sup> Ibid., hlm. 492-494 dan 499-500.
- <sup>13</sup> Menurut Kassim Ahmad, tarikh tersebut berbeza mengikut edisi. Edisi Dewan Bahasa dan Pustaka (1878?) mencatatkan tahun 86 Hijrah, manakala edisi Leiden, mencatatkan tahun 186 Hijrah. Tiga lagi edisi, iaitu Balai Pustaka, Shellabear (Jawi empat jilid) dan Jambatan dan Gunung Agung (Jawi dua penggal), 1960 mencatatkan tahun 886 Hijrah. Tarikh tersebut bersamaan dengan 2 Mac 1481. Lihat Kassim Ahmad, *Hikayat Hang Tuah*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992, hlm. 620. Selepas ini digunakan sebagai Edisi DBP.
- <sup>14</sup> Ketika kunjungan Ibn Battuta ke Tanah Suci pada tahun 726 Hijrah (bersamaan 6 November 1326), Madinah ditadbir oleh Kubaish b. Mansur b. Jammaz dan Makkah ditadbir oleh Syarif Asad al-Din Rumaitha dan Saif al-Din Utaifa. Kedua-duanya merupakan anak kepada Abu Numayy b. Abi Sa'd b. Ali b. Qatada. Madinah pula ditadbir oleh Kubaish b. Mansur b. Jammaz yang dilantik menggantikan bapanya pada Ogos 1325. Makkah dan Madinah ketika itu berada di bawah pemerintahan Sultan Mesir. Sultan Mesir yang terakhir berkuasa ke atas Makkah dan Madinah ialah Sultan Kaitbey. Namun, kedua-dua Syarif yang dicatatkan di dalam *Hikayat Hang Tuah* tidak dapat dikenalpasti. Setakat yang diketahui, Syarif Makkah selepas tahun 1480 ialah Barakat II yang berjaya melarikan diri daripada tahanan Sultan Kaitbey ketika dalam perjalanan menuju ke Mesir pada tahun tersebut. Selepas penguasaan Sultan Salim ke atas Mesir pada tahun 1517, Makkah dan Madinah mula diperintah oleh Daulah Uthmaniyyah. Lihat H.A.R. Gibb (ed.), *The Travels of Ibn Battuta*, Cambridge: Cambridge University Press, 1958, hlm. 178 dan 214; V. Matheson & A.C. Milner, *Perceptions of the Hajj*, hlm. 43 nota 24 dan D.G. Hogarth, "Arabia", dalam RoTH, Vol.2, hlm. 141.
- <sup>15</sup> Kassim Ahmad, *Hikayat Hang Tuah*, hlm. 499-500. Semasa pemerintahan Rumaitha, seorang Maharaja Negro dari Mandigo, Mansa Musa tiba untuk menunaikan fardhu haji bersama-sama kafilah yang terdiri daripada

15,000 ekor unta dan berkarung-karung emas. Lihat Gerald de Gaury, 'Rulers of Mecca, dalam *RoTH*, Vol. 2, hlm. 395.

<sup>16</sup> *Mahmal* merujuk kepada sebuah usungan empat segi tepat yang mempunyai bumbung berbentuk piramid yang dilitupi kain berkualiti tinggi seperti satin atau sutera yang ditenun dengan corak timbul menggunakan benang emas dan perak. Di bahagian penutup hadapan tertera lambang pemerintahan Daulah Uthmaniyyah dan lakaran Kaabah. Warna pada kain penutup yang sering digunakan adalah kuning, hitam, hijau dan merah. Binaan tersebut tidak mempunyai variasi yang pelbagai melainkan ditambah lambang bulan sabit dan bintang atau bulan sabit di atas perhiasan yang lain. Terdapat juga kubah yang disaluti perak di setiap penjuru binaan. Sebuah *Mahmal* pernah dihantar dari Kaherah semasa pemerintahan Sultan Murad III (1574-95) dan diletakkan di atas kubur Rasulullah S.A.W. Semasa pemerintahan Rumaita, Abu Said berbangsa Mongolia menghantar sebuah *Mahmal* yang mencecah tidak kurang dari 250,000 *Dinar* bagi meraih populariti masyarakat. Namun, Sultan al-Nasr dari Mesir turut mendapat sanjungan di Tanah Suci kerana membekalkan jagung kepada penduduk Hejaz bagi menghadapi kebuluran akibat kemarau. Penghantaran *Mahmal* masih dilaporkan sehingga awal abad ke-20 walaupun terdapat penentangan terhadap amalan berkenaan terutamanya di kalangan Wahhabi pada tahun 1794-1814 dan 1924. Lihat Arthur E. Robinson, "The Mahmal of the Moslem Pilgrimage", *Journal of the Royal Asiatic Society*, 18, 1931, hlm. 117-127. Untuk mendapatkan gambaran lebih jelas mengenai rupa bentuk *Mahmal*, lihat *Arab Bulletin*, No. 23, 26 September 1916; No. 20, 14 September 1916; No. 24, headed "The Mahmal", 5 October 1916; and No. 26, 16 October 1916, dalam *RoTH*, Vol. 5, hlm. 51-54. Lihat juga V. Matheson & A.C. Milner, *Perceptions of the Haj*, hlm. 45 nota 28 dan Gerald de Gaury, "Rulers of Mecca", dalam *RoTH*, Vol. 2, hlm. 395.

<sup>17</sup> Kassim Ahmad, *Hikayat Hang Tuah*, hlm. 499-500.

<sup>18</sup> Catatan Ibn Battuta mengenai ibadah haji: 'The streets of Mecca were choked with howdahs, covered with silk and fine linen, everyone making a show to the measure of his means, and the camels were decorated with silken collars on their necks and long hangings of the howdahs that all but reached the ground, so that they looked like pitched tents. The whole gathering then goes out to the appointed place of *Tan'im*, so that the valleys of Mecca are aflood with these howdahs... On the ninth day they started out from Mina for 'Arafa after the dawn prayer... When the pilgrims arrived at length at Mina, they went at once to [perform the rite of] the throwing of the stones at the 'Pillar of the Defile', which done they offered up their sacrifices of camels or sheep. Thereafter they shaved their heads and became free of all things except women and perfume [from which they are bound to abstain] until they perform the 'circuit of the outpouring'... When they had thrown their stones at it, the majority of the pilgrims, after slaughtering [their animals] and

*shaving their heads, proceeded to [Mecca to execute] the 'circuit of the outpouring', but there were some who stayed [at Mina] till the following day...On the Day of Sacrifice the [new] curtain of the illustrious Ka'ba is conveyed from the [headquarters of the] Egyptian caravan to the Holy House and laid on its roof.'* [Ibid]

Lihat Gibb, *The Travels of Ibn Battuta*, hlm. 235,243 dan 246-247.

<sup>19</sup> Nama tersebut tidak terdapat di kalangan Sultan Daulah Uthmaniyyah. Kassim Ahmad berpendapat berkemungkinan Sultan yang dimaksudkan ialah Sultan Murad II (1421-1451) atau Sultan Murad III (1574-1599).

Lihat Kassim Ahmad, *Hikayat Hang Tuah*, Edisi DBP, hlm. 620.

<sup>20</sup> Kassim Ahmad, *Hikayat Hang Tuah*, hlm. 496.'

<sup>21</sup> Zaman keagungan Kerajaan Majapahit (1331-1364) diletakkan bersamaan dengan zaman kegemilangan Kesultanan Melayu Melaka (1456-1511). Penulisannya juga tidak mengendahkan fakta bahawa setiap manusia akan mati. Dalam Hikayat tersebut, Hang Tuah tidak mati. Malah kematian Raja Melaka, Bendahara dan Temenggung juga tidak disebut seolah-olah mereka hidup selamanya. Lihat ibid., hlm. xii.

<sup>22</sup> Kisah pelayaran Hang Tuah ke Tanah Suci Makkah mempunyai beberapa persamaan dengan catatan Abdullah Munshi yang menunaikan haji pada tahun 1854. Kedua-dua catatan tersebut ada menyebut tentang Mokha dan pelayaran kedua-duanya mengambil masa lebih kurang 88-90 hari. Lihat Misbaha, *Haji di Semenanjung Malaysia*, hlm. 125.

<sup>23</sup> Walau apapun pertikaian yang timbul, Misbaha mempunyai pandangan beliau yang tersendiri. Beliau berpendapat bahawa seorang Islam tidak mungkin begitu mudah memberanikan diri berbohong mengenai suatu ibadah terutama yang berkaitan dengan rukun Islam. Pelaksanaan ibadah haji oleh Hang Tuah sukar dinafikan kerana menurutnya gambaran yang diketengahkan mengenai amalan haji menunjukkan bahawa Hang Tuah melaksanakan ibadah tersebut. Lihat ibid., hlm. 117.

<sup>24</sup> Teuku Iskandar, 'Some Historical Sources Used by the Author of *Hikayat Hang Tuah*', *JMBRAS*, Vol. 43, 1, 1970, hlm. 44-45. Selain peristiwa penghantaran delegasi ke Rom, Teuku Iskandar juga telah membuktikan bahawa gambaran istana Rum yang terdapat di dalam *Hikayat Hang Tuah* diciplak perkataan demi perkataan dari kitab *Bustanus Salatin* yang mengemukakan deskripsi mengenai istana Aceh semasa pemerintahan Sultan Iskandar Thani. Idea kejatuhan Kesultanan Melayu Melaka ketika dinaungi oleh seorang pemerintah wanita sebagaimana yang dipaparkan oleh *Hikayat Hang Tuah* juga diambil dari kitab tersebut yang mengisahkan kemerosotan dan kegagalan Aceh mempertahankan kegemilangan kuasanya di bawah pemerintahan beberapa orang Sultanah. Kisah mengenai hubungan di antara Rom dan Aceh juga dapat dilihat di dalam *Hikayat Aceh* apabila tabib menasihatkan Sultan Rom iaitu Sultan Muhammad agar menggunakan minyak kapur barus dan minyak tanah sebagai ubat yang hanya boleh didapati di Aceh. *Hikayat*

menggambarkan bahawa Aceh terkenal sehingga ke Makkah dan Madinah. Peristiwa berkenaan juga menunjukkan bahawa telah ada rakyat Aceh yang mengerjakan ibadah haji di zaman awal yang dicatatkan namanya sebagai Haji Ahmad dan Haji Abdullah. Lihat Teuku Iskandar (ed.), *Hikayat Aceh*, Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan, 2001, hlm. 95 dan 96-98.

<sup>25</sup> Hanya di Aceh dapat ditemui catatan bertulis bersifat sejarah mengenai hubungan diplomatik sebuah negara di rantau Asia Tenggara dengan Daulah Uthmaniyyah yang memiliki karektor sejarah. Sumber paling muktabar mengenai Aceh pada abad ke 16 adalah *Bustan al-Salatin* yang ditulis oleh Nuruddin al-Raniri pada tahun 1638. Kebanyakan tradisi penceritaan lisan yang tersebar luas di Aceh mengenai misi ke Turki tertumpu kepada senjata yang digelar 'lada sa-cupak'. *Hikayat Meukota Alam* telah memelihara tradisi ini dalam bentuk penulisan. Catatan tersebut walaubagaimanapun, berkecenderungan mengagungkan Sultan Iskandar Muda apabila peristiwa tersebut dikatakan berlaku semasa pemerintahan beliau. Beliau menghantar tiga buah kapal yang sarat dengan muatan padi, beras dan lada. Namun, delegasi tersebut hanya tiba di Istanbul setelah tiga tahun pelayaran di laut. Segala bekalan yang dibawa telah habis digunakan kecuali secupuk lada untuk dipersembahkan kepada Sultan Rom. Pemberian tersebut sangat mengembirakan hati Sultan Rom dan dibalas dengan meriam yang besar dan hebat yang digelar 'lada sa-cupak'. Turut dihantar ke Aceh, dua belas orang pahlawan yang mahir dalam pelbagai bidang. Lihat Anthony Reid, "Sixteenth Century Turkish Influence in Western Indonesia", *Journal of South East Asian History*, vol. 10, no. 3, Dec 1969, hlm. 395- 397. Versi Hurgronje yang ditulis pada tahun 1891 pula menyatakan bahawa utusan Aceh tersebut menghabiskan masa selama dua tahun di Istanbul dan bukan di lautan sebagaimana versi sebelumnya. Lihat Snouck Hurgronje, *The Achehnese*, Leiden, 1906, Jil. 1, hlm. 208-209 dan Mohammad Said, *Atjeh Sepandjang Abad*, Medan, 1961, hlm.101. Pendapat lain mengatakan bahawa hasil hubungan diplomatik tersebut Kerajaan Rom telah memberikan bantuan peralatan dan pakar persenjataan. Seramai empat puluh orang penasihat tentera juga dikirim ke Aceh bagi memberikan latihan penggunaan meriam. Bantuan tersebut mengukuhkan lagi status politik Aceh dan menggiatkan lagi usaha penyibaran Islam. Lihat Hj. Abdullah Ishak, *Islam di Nusantara*, Petaling Jaya : Al-Rahmaniah, 1990, hlm. 116.

<sup>26</sup> Walaupun *Hikayat Hang Tuah* disulami dengan pelbagai gaya dan jalan cerita yang tersendiri, penceritaan asasnya boleh dikatakan diambil daripada *Bustan al-Salatin*. Lihat Anthony Reid, "Sixteenth Century Turkish Influence", hlm. 399.

- <sup>17</sup> Nuru'd-din al-Raniri, *Bustanu's-Salatin*, Teuku Iskandar, (ed.), Bab II, Fasal 13, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1966, hlm. 31-32.
- <sup>18</sup> A.Teeuw, "Some Historical Sources", hlm. 352.
- <sup>19</sup> Hurgronje juga pernah mengutarakan pandangan yang sama, 'Yes, Mekka is the spiritual, Constantinople the material centre of the world, and in respect of looking towards both these centres, all faithful Jawah form a whole'. Lihat Hurgronje, *Mecca*, hlm. 245.
- <sup>20</sup> V. Matheson & A.C. Milner, *Perceptions*, hlm. 10 dan Shelly Errington, *A Study of Genre: Meaning and Form in the Malay Hikayat Hang Tuah*, PhD Dissertation, Cornell University, 1975, hlm. 161.
- <sup>21</sup> V. Matheson & A.C. Milner, *Perceptions*, hlm. 10 dan Errington, *A Study of Genre*, hlm.161. Tulisan Abd. Rahman b. Yusof juga mencatatkan bahawa kejadian air zamzam merupakan salah satu daripada mata air syurga. Lihat Abd. Rahman b. Yusof, "Hikmah Air Zamzam", *Suara Majlis*, Edisi khas sempena Idul Adha 1426H/2006, hlm. 16.
- <sup>22</sup> Errington, *A Study of Genre*, hlm.162. Hubungan diplomatik dan ketenteraan di antara Daulah Uthmaniyah dan beberapa buah negara Islam telah diketahui sejak beberapa abad yang lalu. Idea ini bukan sahaja mendapat perhatian para pengkaji sejarah Asia Tenggara, tetapi juga sarjana-sarjana Barat. Bagi masyarakat Melayu Malaysia dan Indonesia, Sultan Rom sentiasa dilihat sebagai salah seorang pemerintah agung dunia di dalam penulisan kesusasteraan Melayu awal. Sejak abad ke-16, kedaulatan sesebuah kerajaan Islam banyak bergantung kepada Daulah Uthmaniyyah, kuasa monarki Muslim paling berpengaruh di Lautan Hindi. Sebelum kebangkitan kerajaan tersebut, kesusasteraan Parsi dan Turki merujuk kepada keagungan Empayar Rom dan Byzantin.
- <sup>23</sup> J.H. Moor, *Notices of the Indian Archipelago*, London: Frank Cass & Co. Ltd., 1968, hlm. 262. Kebanyakan penulisan kesusasteraan Melayu dan Indonesia mengaitkan Sultan Rom dengan Raja China. Di antara mitos yang diketahui umum, Sultan Iskandar Zulkarnain (*Alexander the Great*) dikatakan mempunyai tiga orang putera. Setelah berlakunya perebutan kuasa di antara ketiga-tiganya, yang tua membawa diri ke Barat menjadi Raja Rom, yang tengah ke bahagian Timur menobatkan diri sebagai Raja China, dan yang bongsu kekal di Johor dan menubuhkan sebuah dinasti Minangkabau. Menurut Marsden, sewaktu beliau berada di Minangkabau (1771-1779), Sultan Minangkabau sendiri mengiktiraf dirinya sebagai adik bongsu Raja Rom dan Raja China. Lihat juga Anthony Reid, "Sixteenth Century Turkish Influence", hlm.395 dan William Marsden, *The History of Sumatra*, London: J.M'Cheery , 1811, hlm. 338-342.
- <sup>24</sup> Catatan paling awal mengenai bantuan ketenteraan ke Aceh adalah sekitar tahun 1537-1538. Dengan bekalan senjata dan pakar ketenteraan dari Aceh, Sultan Alauddin Ria'yat Shah al-Kahar berjaya menewaskan orang-orang Batak dan Aru. Bantuan seterusnya kebanyakannya berlaku

selepas tahun 1560-an. Pada tahun 1561-1562, Kerajaan Aceh sekali lagi menghantar delegasi ke Rom memohon bantuan senjata dan tentera dan cuba menarik minat Sultan Daulah Uthmaniyyah untuk menyertai operasi ketenteraan. Aceh bangkit sebagai sebuah kuasa Muslim di bahagian Timur melancarkan perang ke atas orang-orang kafir terutama Portugis dan Belanda. Beberapa siri serangan dilancarkan ke atas Portugis pada tahun 1547, 1568, dan 1570. Anthony Reid, "Sixteenth Century Turkish Influence", hlm. 401-411.

<sup>35</sup> Elemen 'berkat' yang dicari oleh Hang Tuah menunjukkan pengaruh Hindu di dalam penulisan *Hikayat Hang Tuah*. Amalan sebegini bukanlah suatu perkara baru tetapi telah diwarisi sejak zaman-berzaman dan telah menjadi tradisi masyarakat Melayu pra-Islam mengunjungi tempat-tempat yang dianggap suci. Kegiatan sebegini berterusan sehingga ke abad ke-19. V. Matheson & A.C.Milner, *Perceptions*, hlm. 4.

<sup>36</sup> Pertemuan Hang Tuah dengan Nabi Khidir, watak yang turut disebut di dalam *Hikayat Iskandar Zulkarnain* menunjukkan adanya pengaruh mitologi berunsur Islam yang diselitkan di dalam *Hikayat Hang Tuah*. Hang Tuah dipercayai dapat melakukan kesaktian dengan pertolongan Nabi Khidir yang dipercayai tidak mati dan sering menolong orang yang baik yang ditimpa kesusahan di dalam perjalanan. Terdapat pelbagai riwayat yang memperihalkan perwatakan Nabi Khidir. Beliau sering dikaitkan dengan sebuah batu di mana beliau duduk ketika ditemui oleh Hang Tuah, tinggal di sebuah pulau, sering menolong orang yang belseyaw, boleh menghilangkan diri daripada pandangan mata kasar manusia, mengerjakan haji setiap tahun dan boleh bertutur dalam semua bahasa manusia. Watak Nabi Khidir bukan sekadar wali yang diharapkan Hang Tuah untuk mendapatkan kuasa spiritual, bahkan digambarkan juga di dalam penulisan kesusasteraan istana sebagai teman, penasihat dan pelindung Iskandar Zulkarnain. Lihat V.Matheson & A.C.Milner, *Perceptions*, hlm. 44 nota 27 dan Annemarie Schimmel, *Mystical Dimensions of Islam*, Chapel Hill : University of North Caroline Press, 1975, hlm.105-106.

<sup>37</sup> Semasa kunjungan Hang Tuah ke Makkah, beliau bertemu Nabi Khidir yang telah memberikannya sebiji cembul yang berisi air. Apabila disapu air tersebut ke mulut dan telinga seseorang membolehkannya bertutur dan memahami apa jua bahasa yang dikehendaki. Dengan kesaktian tersebut Hang Tuah telah menunjukkan kepetahan berbahasa Rom di hadapan Maharaja Rom menyebabkan beliau amat disenangi oleh Maharaja tersebut. Unsur Nabi Khidir sebenarnya sekadar menguatkan lagi kemuliaan peribadi Hang Tuah. Pengarang *Hikayat Hang Tuah* bertujuan meletakkan Hang Tuah sebagai seorang wira Melayu yang bersifat global dan mempunyai hubungan yang meluas dengan mengenangkan kebolehan menguasai bahasa empayar agung.

Peristiwa ini turut menggambarkan bahawa penghargaan yang tinggi diberikan terhadap kebolehan menguasai pelbagai bahasa sebagai salah satu cara penyediaan seorang duta untuk berhadapan dengan budaya dunia yang amat luas.

<sup>38</sup> Teuku Iskandar, "Some Historical Sources", hlm. 46 dan R. Winstedt, *A History of Classical Malay Literature*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1969, hlm. 63. Shahnon Ahmad dalam tulisannya "Sastera Dalam Pembinaan Akhlak", menyentuh tentang tradisi penulisan kesusasteraan Melayu yang tertumpu kepada elemen fantasi dan keajaiban. Kecenderungan terhadap mitos dan lagenda tersebut sangat menonjol di dalam *Sejarah Melayu* dan *Hikayat Hang Tuah* yang bertujuan membangkitkan rasa kekaguman terhadap seorang wira atau pemerintah. Lihat Harry Aveling, "Towards A Muslim Malay Literature:Shahnon Ahmad and Tok Guru", dalam Ainon Abu Bakar (ed.), *Telaah Sastera Melayu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1993, hlm. 64.

<sup>39</sup> Ibn Battuta sebaliknya memaparkan perkara tersebut di dalam catatan beliau. *Praise be to God, Who hath honoured us by visitation to this holy House, and hath caused us to be numbered amongst those included in the prayer of al-Khalil (blessing and peace upon him), and hath rejoiced our eyes by the vision of the illustrious Ka'ba and the honourable House, of the holy Stone, of Zamzam and the Hatim. Of the wondrous doings of God Most High is this, that He has created the hearts of men with an instinctive desire to seek these sublime sanctuaries, and yearning to present themselves at their illustrious sites, and has given the love of them such power over men's hearts that none alights in them but they seize his whole heart, nor quits them but with grief at separation from them, sorrowing at his far journey away from them, filled with longing for them, and purposing to repeat his visitation to them... May God Most High number us amongst those whose visitation is accepted, whose merchandise in seeking to perform it brings him gain [in the world to come], whose actions in the cause of God are written [in the Book of Life], and whose burdens of sin are effaced by the acceptance [of the merit earned by Pilgrimage], through His loving kindness and graciousness.'* Lihat Gibb, *The Travels of Ibn Battuta*, hlm. 188-190.

<sup>40</sup> V. Matheson & A. C. Milner, *Perceptions*, hlm. 13.

<sup>41</sup> Raja Ali Haji, *Tuhfat al-Nafis*, Virginia Matheson Hooker (ed.), Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan dan Dewan Bahasa dan Pustaka, 1998.

<sup>42</sup> R.O. Winstedt, "Malay Chronicles from Sumatera and Malay", dalam D.G.E. Hall, (ed.), *Historians of South East Asia*, London: Oxford University Press, 1961, hlm.

<sup>43</sup> Raja Ali Haji, *Tuhfat*, hlm. 379.

<sup>44</sup> Lihat ibid., hlm. 374-375. Haji Abd. Al-Jamil adalah anak seorang alim di Riau, Hj. Abd. Al-Wahab dan Haji Daud merupakan salah seorang yang mengiringi rombongan Raja Ahmad sehingga ke Singapura ketika ingin berangkat ke Tanah Suci.

- <sup>45</sup> Setelah kekandanya Raja Jaafar ditabalkan sebagai Yang Dipertuan Muda Riau pada tahun 1805, Raja Ahmad dilantik sebagai wakil rasmi kerajaan. Beliau pernah mengetuai sebuah rombongan ke Betawi menemui Gabenor Jeneral Belanda pada tahun 1822 bagi membincangkan tentang masalah lanun yang berleluasa di Kepulauan Melayu. Beliau sekali lagi diutuskan ke Betawi pada tahun berikutnya bagi menguruskan pertabalan Sultan Abdul Rahman. Namun, beliau kemudiannya kembali ke Riau dalam keadaan tenat setelah menderita sakit yang agak lama.
- <sup>46</sup> Ibid., hlm. 370.
- <sup>47</sup> Ibid., hlm. 370-373
- <sup>48</sup> Peristiwa tersebut berlaku dalam pelayaran pergi ke Tanah Jawa. Keadaan Raja Ali Haji yang begitu tenat menyebabkan Raja Ahmad singgah di Jempara membeli keranda sebagai persediaan menghadapi sebarang kemungkinan. Namun, dengan izin Allah Taala, Raja Ali Haji pun sembuh daripada penyakit berkenaan. Lihat Ibid., hlm. 372.
- <sup>49</sup> Ibid., hlm. 373.
- <sup>50</sup> Selain Raja Ahmad, rombongan tersebut terdiri daripada Raja Ali Haji, Sayid Abdullah (Engku Ngah anak Engku Sayid Muhammad Zain al-Kudsi), Sayid Hamid (anak Raja Ahmad yang belum baligh), Khatib Abd. Al-Rahman dan Bilal Abdulllah (pegawai Negeri Riau), Haji Abd. Al-Jamil (anak Hj. Abd. Al-Wahab, orang alim di Riau), Encik Muhammad Salih (anak guru mengaji Quran Yang Dipertuan Muda Riau di Terengganu), En. Abu Bakar, En. Kasim, En. Mahmud (anak En. Kabah, peranakan Bugis), En. Muhammad dan Ahmad (anak En. Makmur) dan Lebai Ismail (seorang lebai Jawa yang memperhambakan diri kepada Raja Ahmad).
- <sup>51</sup> Lihat Kassim Ahmad, *Hikayat Hang Tuah*, hlm. 492-494 dan Kassim Ahmad, "Kisah Pelayaran Abdullah ka-Judah", hlm. 127-150.
- <sup>52</sup> Raja Ali Haji, *Tuhfat*, hlm. 379 dan 382-385.
- <sup>53</sup> Lihat Raja Ali Haji, *Tuhfat*, hlm. 375.
- <sup>54</sup> Ibid., hlm. 376.
- <sup>55</sup> Sudah menjadi kebiasaan di zaman pelayaran kapal laut, jemaah haji Tanah Melayu merupakan antara jemaah haji terawal yang tiba di Tanah Suci berbanding jemaah haji dari negara lain. Orang Melayu biasanya menyambut Ramadhan dan Syawal di Tanah Suci Makkah.
- <sup>56</sup> Ibid., hlm. 376-377.
- <sup>57</sup> Ibid., hlm. 378. Bagi jemaah haji di zaman awal yang menggunakan unta sebagai medium pengangkutan di Tanah Suci, serangan dan rompakan orang Badwi merupakan salah satu cabaran yang terpaksa dilalui.
- <sup>58</sup> Ibid., hlm.. 379.
- <sup>59</sup> Ibid., hlm. 379
- <sup>60</sup> V. Matheson & A.C. Milner, *Perceptions*, hlm.20

- <sup>61</sup> Ibid., hlm. 20. Perkara tersebut nyata berbeza dengan catatan yang dibuat oleh Ibn Battuta dan Abdullah Munshi yang menyatakan dalam bentuk syair. Lihat Gibb, *Travels of Ibn Battuta*, hlm. 189-190 dan Kassim Ahmad, *Kisah Pelayaran Abdullah*, hlm. 154.
- <sup>62</sup> Turut mengiringi rombongan berkenaan hingga ke Singapura ialah Datuk Penggawa Ahmad, Haji Daud, hamba tua Raja Ahmad, Pak Hitam dan beberapa orang tua yang lain. Di Singapura, Raja Ahmad berkesempatan bertemu dengan Yang Dipertuan Negari Selat dan Syahbandar Singapura, Mistri Samu. Lihat Raja Ali Haji, *Tuhfat*, hlm. 370 dan 374.
- <sup>63</sup> V. Matheson & A.C. Milner, *Perceptions*, hlm. 19-20.
- <sup>64</sup> Raja Ali Haji, *Tuhfat*, hlm. 432-433.
- <sup>65</sup> Ibid., hlm. 432-433.
- <sup>66</sup> Barbara Watson Andaya & V. Matheson, "Islamic Thought and Malay Tradition : The Writings of Raja Ali Haji of Riau", Anthony Reid & David Marr, (ed.), *Perceptions of The Past in Southeast Asia*, Singapore: Heinemann Educational Books, 1979, hlm. 123.
- <sup>67</sup> V. Matheson, *Tuhfat al-Nafis Sejarah Melayu-Islam*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1991, hlm. 87.
- <sup>68</sup> Raja Ali Haji, *Tuhfat*, hlm. xvi. Sikap pemerintah Riau tersebut nyata agak berbeza dengan pendirian Sultan Melaka, Mahmud Syah yang menganggap bahawa pengerajan haji ke Tanah Suci Makkah tidak penting kerana 'Melaka sendiri adalah Makkah'. Catatan mengenai haji sukar dilihat di dalam teks Melayu kerana elemen haji tidak boleh bersatu dengan konsep kerajaan yang menjadi dokongan kebanyakan teks Melayu. *Sejarah Melayu* dan *Hikayat Raja-raja Pasai* umpamanya, ada menyentuh tentang Makkah tetapi tidak menyebut tentang ibadah haji. Lihat V. Matheson & A.C. Milner, *Perceptions*, hlm. 13.
- <sup>69</sup> Raja Ali Haji, *Tuhfat*, hlm. 382 dan 385.
- <sup>70</sup> Ibid., hlm. 417.
- <sup>71</sup> Sesuatu perkara yang dinazarkan mestilah yang dapat mendekatkan diri dengan Allah S.W.T. sama ada perkara sunat atau fardhu kifayah. Tidak sah nazar seseorang jika ia melibatkan perkara-perkara fardhu ain seperti sembahyang zohor, atau maksiat seperti minum arak, atau makruh seperti puasa selama-lamanya dikhuatiri memudaratkan, atau perkara harus seperti berdiri atau duduk. Lihat Muhammad b. Ismail Daud Fathani, *Matla' al-Badrain wa Majma' al-Bahrain*, Thailand: Maktabah wa Matba'ah Muhammad al-Nahda wa Auladuhu, t.t., hlm. 212-213.
- <sup>72</sup> Raja Ali Haji, *Tuhfat al-Nafis*, hlm. 372.
- <sup>73</sup> Tidak terdapat banyak unsur dongeng dalam *Tuhfat*. Seandainya pengarang sejarah Bugis terpaksa juga memasukkan unsur-unsur mitos dan fantasi, mereka akan memasukkan frasa seperti 'dikatakan' atau 'menurut cerita'. Walaupun Raja Ali Haji sedikit terpengaruh dengan

corak penulisan *Sejarah Melayu* yang memulia dan memberikan unsur magis kepada keturunan sendiri, perkara tersebut terlalu sedikit. Kesangsian akan kebenaran sesetengah perkara dan fakta jelas terpapar apabila kerapkali diakhiri sesuatu kisah dengan pernyataan 'konon' atau 'demikian kata setengah-setengah kaul'. Mohd. Taib Osman, *Tuhfat Al-Nafis : Corak Historiografinya Persamaan dan Penyimpangan Dari Tradisi Historiografi Melayu*, Artikel 1377, Pulau Pinang :Universiti Sains Malaysia, hlm. 253-254.

<sup>74</sup> Sistem ketenteraan tunggal (*monolithic military system*) Daulah Uthmaniyyah yang memerlukan kehadiran *Padishah* bagi melancarkan kempen ketenteraan yang besar mewujudkan keterbatasan geografi kawasan perluasankuasa. Sebuah kawasan yang jauh tidak dapat dipertahan lama sekiranya mendapat tentangan yang hebat. Kemerosotan disiplin tentera berlaku pada semua peringkat jentera. Rasuah dan penjualan jawatan bermula daripada peringkat atasan memburukkan lagi keadaan. Kemerosotan disiplin ketenteraan diburukkan lagi dengan tercetusnya beberapa siri masalah dalaman negara seperti pemberontakan puak Kurdish, puak Druze, tuan-tuan tanah tentera dan *Janissari*. Kesannya, sistem birokratik menjadi lemah, kegiatan musyawarah semakin kurang dan sistem perekodan kerajaan tidak terurus. Kemerosotan kuasa gagal dibendung walaupun usaha pemuliharaan giat dilakukan oleh para menteri dan jentera pusat. Selepas pertengahan kurun ke 17, Daulah Uthmanyah gagal meluaskan penguasaannya dan tidak lagi menjadi sebuah kuasa penakluk. Marshall G.S. Hodgson, *Kebangkitan Islam*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2004, hlm. 135, 151 dan 155.

<sup>75</sup> Raja Ali Haji, *Tuhfat al-Nafis*, hlm. 379.

<sup>76</sup> Bagi merujuk kepada ramai istilah *Jawat* atau *Jawiyyin* digunakan. Lihat Hurgronne, *Mekka*, hlm. 215. Pada tahun 1938, Setiausaha Kerajaan Kedah, Haji Muhammad Sheriff pernah mengetengahkan bahawa budaya di Hejaz yang meletakkan penduduk Tanah Melayu dan Hindia Timur Belanda di bawah satu kelompok *people of Java* tidak disenangi oleh sebahagian besar orang Melayu. Akhbar tempatan Hejaz ketika melaporkan mengenai pelayaran pulang beliau ke Kedah, melaporkan Kedah sebagai sebuah daerah di Jawa. Kejahilan tersebut amat dikesali sehingga sepucuk surat telah dihantar kepada Amir Faisal. Menurut Amir Faisal, istilah berkenaan tidak bermaksud memperkecilkan mana-mana pihak. Istilah berkenaan telah sebatи penggunaannya di Hejaz kerana telah digunakan sejak zaman-berzaman lagi. Namun, beliau tetap bertindak memaklumkan kepada semua akhbar tempatan agar merujuk seseorang berdasarkan negara masing-masing dengan tepat. Lihat IOR, R/15/1/576, Report on the Hajj of 1356AH (1938), dalam *RoTH*, Vol. 7, hlm. 300.

<sup>77</sup> Virginia Matheson, *Tuhfat al-Nafis Sejarah Melayu-Islam*, hlm. 53. Perkahwinan di atas kapal haji *Anshun* dicatatkan di dalam tulisan Harun Aminur rashid, *Chatetan Ka-Tanah Suci*, Singapura:Pustaka Melayu, 1961, hlm. 40. Pengalaman menyaksikan jemaah haji bernikah turut diceritakan oleh Encik Abdul Aziz, seorang badal haji sekitar tahun 1950-an. Temubual dengan Encik Abdul Aziz bin Wahab pada 15 Januari 1906 di No. 69, Masjid Lebuh Acheh, Pulau Pinang.

<sup>78</sup> Pada abad ke-19, Jeddah merupakan pasar perdagangan hamba yang paling penting di Hejaz. Menutur Hurgronje, semua hamba abdi Afrika boleh didapati dalam jumlah yang besar melalui orang tengah iaitu *dellal's*. Hamba abdi lelaki dan perempuan dipertontonkan di pasar hamba iaitu sebuah dewan besar berdekatan pagar masjid yang dikenali sebagai *Bab Dereybah* dan dijual secara lelong. Sebahagiannya merupakan hamba abdi yang baru dibawa dari negara masing-masing dan sebahagian yang lain dilelong oleh tuan yang tidak memerlukan mereka lagi. Atas desakan negara-negara Barat, pada tahun 1855, Daulah Uthmaniyyah mengeluarkan arahan agar perdagangan hamba di Hejaz dihapuskan. Namun arahan berkenaan telah menimbulkan kekecohan dan penentangan di kalangan pihak berkuasa dan masyarakat tempatan yang mempunyai kepentingan masing-masing dalam perdagangan tersebut. Daulah Uthmaniyyah terpaksa melupakan hasrat tersebut bagi menjamin keamanan di Hejaz. Pada tahun 1857, sekali lagi arahan dikeluarkan bagi melarang perdagangan hamba tetapi Hejaz dikecualikan. Oleh itu, sehingga separuh kedua abad ke-19, perdagangan hamba di Hejaz masih berjalan seperti biasa. Dilaporkan bahawa terdapat sebuah tempat penyimpanan hamba bertentangan pejabat Konsul Belanda di Jeddah. Setiap petang, berpuluhan-puluhan orang hamba dikatakan berjalan secara berbaris di lorong-lorong di Jeddah. Hamba yang dibawa pulang dari Tanah Suci juga disifatkan sebagai kenang-kenangan menandakan bahawa mereka pernah menjajakkan kaki ke sana. Lihat Hurgronje, *Mekka*, hlm. 14; W. Ochsenwald, "Muslim-European Conflict in the Hejaz: The Slave Trade Controversy 1840-1895," *Middle Eastern Studies*, 16, 1980, hlm. 114-126; Marcel Witlox, "Mempertaruhkan Jiwa dan Harta Jemaah Haji dari Hindia Belanda Pada Abad ke-19", dalam Dick Douwes dan Nico Kaptein (ed.), *Indonesia dan Haji*, Jakarta:INIS, 1997, hlm. 66-67 dan Garrett E. DeJong, "Slavery in Arabia", *The Moslem World*, Vol. 24, No. 2, 1934, hlm. 135.

<sup>79</sup> Raja Ali Haji, *Tuhfat*, hlm. 386.

<sup>80</sup> Catatan harian merupakan tradisi orang Bugis turun-temurun yang disimpan di istana Raja-raja Bugis. Di dalamnya tercatat segala peristiwa berkaitan politik, pelayaran diRaja, kelahiran, kemangkatan dan perkahwinan. Raja Ali Haji merupakan perintis ahli Sejarah Melayu yang menyedari peri pentingnya merekodkan tarikh dan tahun di dalam setiap

penulisan yang dilakukan. Zaharah Awang, *Suatu Penilaian Mengenai Tuhfat al-Nafis Sebagai Sumber Sejarah*, Tesis Sarjana Muda Sejarah, Universiti Sains Malaysia, 1987/88, hlm. 5-6 dan Mohd. Taib Osman, *Tuhfat Al-Nafis*, hlm. 252.